

HAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR
KUALA LUMPUR, 20 JULAI (BERNAMA) --- DATUK SERI DR. MAHATHIR
MOHAMAD HARI INI MELANCARKAN YAYASAN PEMBANGUNANEKONOMI ISLAM YANG
DISUSUN SEMULA DAN BERHARAP ORANG RAMAI AKAN MENYUMBANGKAN DERMA
UNTUK MELAKSANAKAN AKTIVITI-AKTIVITI AMAL JARIAH DI NEGARA INI
MENERUSI YAYASAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA MATLAHAT UTAMA YAYASANIALAH UNTUK
MENGUMPUL SEBANYAKMUNGKIN DERHA DAN SUMBANGAN DARI SEHUA PIHAK,
KHUSUSNYA DARI PUNCA-PUNCA DALAM NEGARA SERTA MELABURKAN SEMUA ATAU
BAHAGIAN-BAHAGIAN TERTENTU DARI HARTA YANG TERKUMPUL UNTUK
MELAKSANAKAN AKTIVITI-AKTIVITI AMAL JARIAH.

SEKIM-SEKIM PUNGUTAN DERHA ITU DIJANGKA DAPAT DILANCARKAN PADA
AKHIR TAHUN INI ATAU AWAL TAHUN DEPAN, TAMBAH BELIAU KETIKA
MERASMIKAN MESYUARAT PERTAMA ANGGOTA-ANGGOTA LEBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN TERSEBUT DIBILIK HESYUARAT PERDANA, JABATAN PERDANA MENTERI
DI SINI.

MESYUARAT ITU MERUMUSKAN GARIS-GARIS KASAR BEBERAPA PROJEK UTAMA
YANG AKAN DILAKSANAKAN OLEH YAYASAN PADA PERINGKAT AWAL PENUBUHAN NYA,
DEMIKIAN MENURUT SATU KENYATAAN YANG DIKELUARKAN.

PROJEK PERTAMA YANG AKAN DILAKSANAKANIALAH MENGUMPUL DERMA DARI
KAKITANGAN KERAJAAN DAN SWASTA MELALUI POTONGAN GAJI SECARA
SUKARELA. ---LAGI

MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA PERUNDINGAN-PERUNDINGAN AKAN DIADAKAN
DENGAN PIHAK AKAUNTAN NEGARA DAN KETUA-KETUA KEMENTERIAN DAN JABATAN
KERAJAAN BAGI MENYUSUN DAN MELAKSANAKAN SEKIM PUNGUTAN DERMA ITU.
PROJEK KEDUA YANG AKAN DISUSUNIALAH PUNGUTAN DERMA DARI ORANG
RAMAI MELALUI RESIT KHAIRAT.

MENERUSI SEKIM ITU, SEMUA ANGGOTA MASYARAKAT DARI SEGENAP
LAPISAN AKAN BERPELUANG UNTUK TURUT SERTA BERAMAL JARIAH DENGAN
MEMBERIKAN SUMBANGAN DERHA DALAM BENTUK WANG KEPADA YAYASAN.

SEBAGAI BUKTI DERMA MEREKA DITERIMA OLEH YAYASAN, MEREKA DENGAN
SERTA MERTA AKAN DIBERI RESIT-RESIT KHAIRAT.

BESAR KEMUNGKINAN RESIT-RESIT KHAIRAT ITU BOLEH DIDAPATI DARI
SEMUA PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI DAN
BANK ISLAM DI SELURUH NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA YAYASAN AKAN BERUNDING DENGAN KEDUA-DUA
INSTITUSI KEWANGAN ISLAM ITU BAGI Mendapatkan KERJASAMA DAN KHIDMAT
MEREKA DALAM PERKARA INI. ---LAGI

1257MST 20 07 84

q725

R 8886 DEB 1

HAHATHIR - ISLAM 3 KUALA LUMPUR

YAYASAN AKAN MENYEDIAKAN RESIT-RESIT KHAIRAT DENGAN NILAI YANG
BERBEZA IAITU \$1, \$5, \$10, \$50 DAN \$100 YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA
PARA PENDERMA MENURUT NILAI SUMBANGAN MASING-MASING.

DI SAMPING ITU, RESIT-RESIT BERKENAAN AKAN DICETAK KHAS DAN
MENGANDUNGI UNSUR-UNSUR KESELAMATAN TERMASUK NOMBOR DAN LOGO YAYASAN
UNTUK MENGELAKKAN BERLAKUNYA PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIINGINI.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA YAYASAN AKAN TERUS MENYUSUN LAGI
PROJEK-PROJEK YANG LAIN BAGI MENGUMPUL DERWA DAN SETERUSNYA MEMBUAT
PELABURAN SERTA MELAKSANAKAN AKTIVITI-AKTIVITI AMAL JARIAH.

INI SELARAS DENGAN MATLAMAT AKHIR YAYASAN UTNUK MELAKSANAKAN
AKTIVITI-AKTIVITI AMAL JARIAH DI NEGARA INI KHUSUSNYA SECARA YANG
TERATUR DAN TERUS MENERUS BERKEMBANG DARI MASA KE SEMASA. ---BERNAMA